

# MEMBUAT PENILAIAN KOMUNITI SETEMPAT TERHADAP AKTIVITI PENGGUNAAN ASAS MICROSOFT OFFICE POWERPOINT BERSAMA PELAJAR DTK4A

Puteri Nadia Dayanie Binti Megat Sabri<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Politeknik Ungku Omar  
[ndayanie@pnu.edu.my](mailto:ndayanie@pnu.edu.my)

## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meninjau penilaian komuniti setempat terhadap aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint bersama pelajar DTK4A. Analisis kajian ini tertumpu kepada penilaian komuniti setempat terhadap program yang dilaksanakan oleh pelajar DTK4A sama ada input yang disampaikan memberi impak positif kepada komuniti atau sebaliknya. Sampel kajian dipilih adalah melibatkan 60 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Raja Chulan bersama 5 orang pelajar DTK4A. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data yang diperolehi daripada soal selidik menunjukkan bahawa 98.3 % bersetuju cara penyampaian fasilitator (pelajar DTK4A) adalah jelas dan mudah difahami. 93.3% berpendapat cara penyampaian fasilitator adalah teratur dan berstruktur. Disamping itu sebanyak 86.7% responden bersetuju bahawa fasilitator memberi respon apabila ditanya dan 98.3% responden bersetuju dengan perlaksanaan program ini pada masa akan datang. Kesimpulannya aktiviti ini wajar diteruskan berdasarkan maklum balas yang positif daripada komuniti setempat.

**Kata kunci :** Penilaian komuniti, *Microsoft Office PowerPoint*, Soal selidik

## 1. Pengenalan

Media pembelajaran adalah sebuah alat yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat sewaktu proses pembelajaran. Salah satu media pembelajaran yang popular dan selalu digunakan pada masa kini adalah Microsoft Office PowerPoint. Microsoft Office PowerPoint adalah sangat mudah untuk digunakan dan diselenggara oleh individu di mana penyediaan maklumat yang ingin dibentangkan dapat dihasilkan dengan kemas dan padat mengikut kreativiti masing-masing. Microsoft Office PowerPoint berfungsi sebagai alat bantu mengajar yang dapat membantu pengajar secara visual sewaktu pembentangan dilakukan. Ini mewujudkan suasana penerimaan maklumat dengan lebih berkesan dan jelas sekaligus meningkatkan pemahaman para pelajar di dalam kelas. Kebolehan paparan dengan demografik yang menarik dan berwarna warni juga merupakan salah satu daripada kelebihan *Microsoft Office PowerPoint* berbanding alatan pembentangan yang lain. Pembentangan mengikut Kamus Dewan edisi ke-4 adalah menyampaikan maklumat atau penjelasan secara visual atau non-visual kepada pendengar. Pembentangan menggunakan Microsoft Office Powerpoint adalah alat terkini mengantikan alat pembentangan jenis lama yang menggunakan OHP dikenali sebagai Over Head Projector. Menurut Sukiman (2012), Microsoft Office Power Point merupakan salah satu produk *Microsoft Corporation* dalam program aplikasi presentasi yang paling banyak digunakan pada masa kini.

Dalam konteks Microsoft Office PowerPoint kepada pelajar politeknik, keseluruhan mereka telah didekah dengan penggunaan *Microsoft Office PowerPoint* sejak dari semester 1 lagi. Rata-rata pelajar mengetahui cara penggunaan asas perisian ini. Pendedahan ini sedikit sebanyak dapat membantu pelajar dalam menghasilkan

pembentangan yang efektif di dalam kelas bagi subjek-subjek tertentu sepanjang pengajian mereka khususnya di Politeknik Ungku Omar. Tambahan pula, pembentangan tugas, projek dan latihan industri adalah merupakan elemen wajib bagi para pelajar politeknik pada semester 4 dan 5. Dengan menggunakan perisian ini, para pelajar dapat menghasilkan pembentangan dengan kritis dan kreatif dan dapat menyampaikan informasi dengan lebih tepat dan tersusun.

Dengan merujuk kepada kepentingan *Microsoft Office PowerPoint* kepada semua pihak, maka aktiviti perkongsian maklumat mengenai penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint ini dirancang agar pelajar-pelajar di peringkat diploma ini dapat berkongsi ilmu dengan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah yang rata-rata tidak begitu terdedah dengan perisian ini di peringkat pembelajaran mereka sekarang. Di samping itu, aktiviti ini juga adalah salah satu pendedahan awal dan juga penambah keyakinan diri kepada para pelajar Politeknik Ungku Omar khasnya dalam konteks pergaulan bersama komuniti luar supaya mereka tidak berasa malu dan kekok apabila berkomunikasi dengan pihak luar atau komuniti luar pada masa akan datang.

Aktiviti ini melibatkan seramai 5 orang pelajar semester 4 daripada program Diploma Kejuruteraan Teknologi Komputer iaitu dari kelas DTK4A dan 60 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Raja Chulan. Sebelum aktiviti ini dimulakan, para pelajar DTK4A yang terlibat dikehendaki menyediakan nota, soalan latihan dan manual penggunaan *Microsoft Office PowerPoint* sebagai bahan asas sesi ini. Bahan-bahan ini akan digunakan sebagai rujukan dan latihan kepada para peserta untuk memahami konteks dan pengetahuan yang akan dikongsi oleh fasilitator seperti penggunaan asas powerpoint yang merangkumi visualisasi dalam bentuk teks, gambar, video, suara dan sebagainya. Setelah semua persediaan disemak dan dimurnikan, sesi pembelajaran dimulakan. Aktiviti ini dibahagikan kepada 3 sesi merangkumi 20 orang peserta setiap sesi. Masa yang diperuntukan adalah selama 2 jam.

Terdapat 1 fasilitator yang akan mengendalikan setiap sesi dengan menggunakan Microsoft Office PowerPoint sambil dibantu oleh empat orang fasilitator yang lain yang telah ditempatkan di setiap baris meja komputer. Berdasarkan pemerhatian 15 minit pertama, fasilitator bermula dengan agak kekok dalam berkomunikasi bersama peserta program di samping pengurusan kelas yang agak kelam-kabut. Namun selepas itu, fasilitator mula bijak mengatur dan menguruskan keseluruhan sesi pembelajaran dan perkongsian ilmu dapat dilakukan dengan lebih teratur dan efektif. Sebagai tentatif, satu jam pertama adalah merupakan taklimat aktiviti yang disampaikan oleh fasilitator menggunakan Microsoft Office PowerPoint yang dipaparkan menggunakan projektor. 30 minit diperuntukkan kepada peserta program untuk menyiapkan latihan diberikan selepas taklimat program selesai. Latihan yang mendapat markah terbaik juga dipaparkan sebagai contoh kepada semua peserta program. Sebelum sesi melabuhkan tirainya, para peserta program diminta untuk mengisi borang soal selidik yang disediakan berserta temubual bersama guru-guru Sekolah Kebangsaan Raja Chulan. Aktiviti diakhiri dengan sesi bergambar bersama semua peserta dan individu-individu lain yang terlibat.

Sesi kedua dan ketiga dilihat sedikit berbeza berbanding sesi pertama dimana para fasilitator dapat mengendalikan sesi dengan lebih teratur dan sistematik. Keyakinan yang ditunjukkan oleh mereka dalam mengendalikan program ini cukup membanggakan dengan komunikasi dan pengurusan masa yang lebih baik. Dapat disimpulkan di sini, aktiviti luar kelas seperti ini dapat memupuk keyakinan diri para pelajar dalam berkomunikasi dengan komuniti luar selaras dengan matlamat program ini dilaksanakan.

## 2. Fokus Kajian/ Isu Keprihatinan

Fokus kajian ini berkisar tentang persepsi dan tahap kepuasan hati komuniti setempat iaitu para peserta dan para guru daripada Sekolah Kebangsaan Raja Chulan terhadap aktiviti perkongsian asas penggunaan Microsoft Office Power Points bersama para pelajar DTK4A Politeknik Ungku Omar yang terlibat. Aktiviti menggunakan perisian ini dipilih berdasarkan pengetahuan dan kekerapan para pelajar DTK4A menggunakan Microsoft Office PowerPoint dalam tugas sehari-hari mereka disamping kepentingan Microsoft Office PowerPoint itu sendiri kepada peserta program ini pada masa akan datang. Aktiviti ini juga

ada lah medium terbaik kepada para pelajar DTK4A Politeknik Ungku Omar untuk menonjolkan diri mereka dimana mereka adalah lebih kepada mendengar dan melihat iaitu merupakan ahli di dalam kelas sahaja manakala aktiviti seperti ini menjadikan mereka sebagai pembentang dan individu yang memimpin dan menguruskan aktiviti kelas tersebut. Kajian yang dijalankan oleh Deborah Hopen (2002) mendapati bahawa ciri-ciri kepimpinan dapat diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti luar yang disertai mereka bersama komuniti setempat. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini, pensyarah dapat mengukur dan menilai persepsi komuniti setempat terhadap pelajar-pelajar politeknik khususnya para pelajar yang terlibat iaitu pelajar kelas DTK4A samada positif atau pun negatif.

Seringkali kedengaran persepsi dari luar yang mengatakan bahawa para pelajar politeknik kurang berkomunikasi ataupun pasif apabila bekerjasama dengan pihak luar dan juga apabila menempuh alam selepas belajar. Persepsi ini haruslah diubah kerana tanggapan awal yang negatif ini bakal mendatangkan kesan yang negative kepada mereka pada kemudian hari. Oleh itu sebagai pendidik, aktiviti ini disarankan agar masalah ini dapat diatasi dengan memberi pendedahan awal pada pelajar. Selain itu ia dapat membina keyakinan diri pelajar untuk bersemuka dengan pihak luar. Pendekatan ini dilaksanakan bersama 5 orang pelajar DTK4A sahaja. Aktiviti ini tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh terhadap semua pelajar kelas DTK4A kerana pelajar-pelajar yang lain masih mempunyai komitmen mereka yang perlu diselesaikan dan 5 orang pelajar yang terlibat ini adalah dipilih secara sukarela. Pelajar sekolah rendah adalah sasaran utama aktiviti ini. Ini kerana pensyarah dapat menilai tahap kematangan pelajar-pelajar DTK4A yang terlibat menguruskan sesbuah program disamping menerima maklum balas yang jujur dan tulus daripada para peserta yang jauh lebih muda disamping manfaat yang diperoleh oleh kedua-dua belah pihak. Maklum balas yang diterima daripada para peserta program ini adalah merupakan penanda aras samada aktiviti ini mencapai objektif dan fokus yang ditetapkan ataupun sebaliknya.

Walaupun kurangnya kepakaran mengenai perisian Microsoft Office PowerPoint di Sekolah Kebangsaan Raja Chulan, lokasi ini tetap dipilih sebagai venue program kerana mahu para pelajar DTK4A merasai suasana yang berbeza dan asing sewaktu mengendalikan program bagi mencapai objektif yang ditetapkan pada tahap yang optimum disamping ingin memberi suasana pembelajaran yang selesa kepada para pelajar Sekolah Kebangsaan Raja Chulan.

Borang kaji selidik telah diedar kepada para peserta program untuk mendapatkan maklum balas yang akan digunakan sebagai input untuk daptan bagi kajian kali ini. Soalan ini diedarkan ini adalah kepada para peserta sejurus selepas mereka menyelesaikan tugas praktikal iaitu penyediaan slaid Microsoft Office PowerPoint dengan menggunakan semua teori dan kaedah yang diajar sepanjang sesi pembelajaran. Jadual 1 menunjukkan borang maklum balas yang diedarkan pada para peserta program.

| Jadual 1. Borang Maklum Balas |   |    |       |
|-------------------------------|---|----|-------|
| Bil                           | Penyataan   | Ya | Tidak |
| 1                             | Penerangan yang diberikan oleh fasilitator mudah difahami       |    |       |
| 2                             | Penerangan yang diberikan oleh fasilitator jelas                |    |       |
| 3                             | Penerangan yang diberikan oleh fasilitator secara teratur       |    |       |
| 4                             | Fasilitator memberikan respon apabila ditanya                   |    |       |
| 5                             | Peserta berpeluang bertanya kepada fasilitator.                 |    |       |
| 6                             | Peserta seronok membuat latihan yang diberikan                  |    |       |
| 7                             | Peserta boleh membuat latihan yang diberikan dengan cepat       |    |       |
| 8                             | Peserta memahami apa yang diajar oleh fasilitator (pelajar PUO) |    |       |

### 3. Objektif Kajian/ Soalan Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat persepsi komuniti luar terhadap pelajar melalui aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint. Disamping itu, kajian ini juga adalah bertujuan untuk melihat impak positif terhadap pelajar DTK4A melalui aktiviti yang dilaksanakan.

### Soalan kajian

1. Apakah penilaian komuniti luar terhadap pelajar melalui aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint?
2. Bagaimana penilaian terhadap pelajar melalui aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint?

## 4. Methodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang dijalankan untuk membuat penilaian komuniti setempat terhadap pelajar dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Target populasi bagi kajian ini ialah pelajar sekolah rendah atas Sekolah Kebangsaan Raja Chulan yang terlibat sebagai peserta program.

### 4.1. Kumpulan Sasaran

Kajian tindakan ini melibatkan seramai 60 pelajar tahap 2 sekolah rendah dan 5 orang pelajar politeknik (pelajar DTK4A terdiri daripada 2 pelajar perempuan dan 3 pelajar lelaki). Pelajar sekolah rendah terdiri daripada 32 orang murid lelaki dan 28 orang murid perempuan Tahun 4,5 dan Tahun 6. Jadual 2 menunjukkan taburan mengikut jantina dan tahun.

| Jadual 2. Taburan peserta mengikut jantina dan tahun |        |           |
|--|--------|-----------|
|  | Lelaki | Perempuan |
| Tahun 4  | 15     | 13        |
| Tahun 5  | 12     | 7         |
| Tahun 6  | 5      | 8         |

### 4.2. Rekabentuk Kajian

Prosedur tindakan dalam perlaksanaan kajian adalah untuk mengukur/menilai persepsi komuniti luar berkenaan dengan aktiviti yang pelajar laksanakan. Di mana perlaksanaan melibatkan 5 langkah seperti berikut:

| Jadual 3. Prosedur tindakan Fasa pertama |   |
|--|---|
| Langkah 1                                | Taklimat berkenaan aktiviti penggunaan asas Microsoft office : Power points - pelajar DTK4A |
| Langkah 2                                | Aplikasi penggunaan asas Microsoft office : Power points – 40 orang pelajar                 |
| Langkah 3                                | Pemberian soalan latihan – 40 orang pelajar   |
| Langkah 4                                | Borang soal selidik   |
| Langkah 5                                | refleksi terhadap aktiviti  |

Langkah 1 - Taklimat berkenaan aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint - pelajar DTK4A

Pada peringkat permulaan, taklimat aktiviti disampaikan kepada pelajar-pelajar kelas DTK4A berkenaan aktiviti program, venue program, kumpulan sasaran, tarikh program dan masa bagi setiap sesi. Kemudian sesi pemilihan pelajar dijalankan. Pemilihan adalah secara sukarela dan seramai 5 orang pelajar dari kelas DTK 4A memilih untuk menyertai aktiviti ini. Kemudian pelajar-pelajar ini diberi tugas untuk menghasilkan cara penggunaan Microsoft Office PowerPoint merangkumi teks, gambar, video, suara dan sebagainya serta ikon-ikon yang sedia ada dalam Microsoft Office PowerPoint. Pelajar-pelajar ini diberi tempoh masa 7 hari untuk menyiapkan tugas tersebut beserta manual penggunaannya.

Langkah 2 - Aplikasi penggunaan basic Microsoft Office PowerPoint - peringkat sekolah rendah – 40 orang pelajar

Seorang pelajar akan bertindak sebagai fasilitator yang bertugas sebagai pembentang yang menerangkan tentang langkah demi langkah penggunaan Microsoft Office PowerPoint dan

ikon-ikon asas yang terlibat. Sepanjang sesi diadakan, 4 orang pelajar bertugas sebagai fasilitator disetiap baris yang menempatkan para peserta untuk membantu para peserta yang mempunyai masalah disepanjang perjalanan program. Masa yang diperlukan adalah 1 jam sahaja.

#### Langkah 3 - Pemberian latihan peringkat sekolah rendah – 40 orang pelajar

Selesai pendedahan teori, para peserta diuji dengan latihan yang perlu disiapkan dalam tempoh 30minit. Latihan ini dinilai secara individu. Para peserta disarankan agar menggunakan kemahiran yang baru dipelajari mereka untuk menghasilkan pembentangan yang menarik mengikut kreativiti masing-masing. 2 orang peserta kemudiannya dipilih untuk dipaparkan hasil kerja mereka di hadapan menggunakan projektor. Berdasarkan perhatian, kesemua peserta dapat menggunakan perisian Microsoft Office PowerPoint dengan baik dan hasilnya juga agak menarik.

#### Langkah 4 - Borang soal selidik

Pada akhir sesi, semua peserta diberikan borang soal selidik. Borang soal selidik ini adalah bertujuan untuk mengukur/menilai persepsi para peserta terhadap aktiviti yang dilaksanakan. Para peserta diberi tempoh 10 minit untuk menjawab soal selidik tersebut.

#### Langkah 5 – Membuat kesimpulan pembelajaran

Berdasarkan maklum balas yang diterima, melalui instrumen penilaian yang dibuat di dapat memberi impak yang positif terhadap aktiviti yang dijalankan bersama pihak Sekolah kebangsaan Raja Chulan.

### 5. Analisis Dan Interpretasi Data

Dalam melaksanakan kajian ini, cara pengumpulan data adalah menerusi kajian berdasarkan hasil soal selidik. Dengan menggunakan hasil soal selidik sebagai alat ukuran didalam penyelidikan maka satu set soalan atau item didalam bentuk tulisan disediakan bagi menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan. Dapatkan bagi kajian ini adalah menggunakan teknik ini. Berdasarkan data yang dikumpulkan, dapatkan akan dianalisis dan diinterpretasikan bagi menilai persepsi dan impak aktiviti dengan komuniti setempat dan juga menentukan bahawa objektif utama program tercapai ataupun sebaliknya.

#### 5.1. Soal selidik

Soal selidik ini direka secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Menurut Mohd Najib (2003), instrumen berbentuk soal selidik adalah lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses dan di analisis. Kajian tinjauan banyak digunakan didalam bidang pendidikan. Menurut Merican(2006) kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan atau ribuan responden. Oleh itu, cara ini merupakan kaedah yang efektif untuk mengukur banyak cara dalam satu masa dan boleh mengagihkan kepada pelajar dengan masa yang singkat selepas sesi pengajaran dan pembelajaran tamat. Selain itu kaedah ini data dapat diinterpretasikan dengan mudah dan tepat.

Pada borang soal selidik yang disediakan, terdapat dua bahagian yang dikaji. Bahagian A merupakan pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan latar belakang murid dan bahagian B merupakan soalan yang berkaitan dengan aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint. Sebanyak 8 soalan disediakan untuk mendapatkan maklum balas para peserta program mengenai keberkesanan aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint tersebut. Di dalam boring soal selidik, pelajar dikehendaki menanda ( / ) pada ruang yang disediakan berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka. Masa yang diambil untuk menyempurnakan boring soal selidik ini hanyalah 10 minit sahaja. Soal selidik diedarkan kepada para peserta selepas sesi latihan selesai.

Soal selidik diedarkan kepada 60 orang pelajar iaitu 13 orang pelajar dari tahun 6, 19 pelajar tahun 5 dan 28 orang pelajar tahun 4 daripada Sekolah kebangsaan Raja Chulan. Jadual 4 menunjukkan respon pelajar terhadap item yang dikemukakan.

| Jadual 4. Borang Maklum Balas |   |       |       |
|-------------------------------|---|-------|-------|
| Bil                           | Penyataan   | Ya    | Tidak |
| 1                             | Penerangan yang diberikan oleh fasilitator mudah difahami       | 98.3% | 1.7%  |
| 2                             | Penerangan yang diberikan oleh fasilitator jelas                | 98.3% | 1.7%  |
| 3                             | Penerangan yang diberikan oleh fasilitator secara teratur       | 93.3% | 6.7%  |
| 4                             | Fasilitator memberikan respon apabila ditanya                   | 86.7% | 13.3% |
| 5                             | Peserta berpeluang bertanya kepada fasilitator.                 | 78.3% | 21.7% |
| 6                             | peserta seronok membuat latihan yang diberikan                  | 98.3% | 1.7%  |
| 7                             | Peserta boleh membuat latihan yang diberikan dengan cepat       | 66.7% | 33.3% |
| 8                             | peserta memahami apa yang diajar oleh fasilitator (pelajar PUO) | 96.7% | 3.3%  |

Berdasarkan jadual 4 di atas, dapat dilihat 98.3% iaitu seramai 59 pelajar memahami penerangan yang disampaikan oleh fasilitator kerana penyampaian fasilitator adalah mudah difahami dan senang diikuti secara teratur manakala 93.3% menyatakan fasilitator menyampaikan penerangan yang jelas. Bagi soalan yang dikemukakan oleh pelajar pada fasilitator adalah sebanyak 86.7%. Pelajar menyatakan mereka berpeluang bertanyakan soalan hanya sebanyak 78.3% disebabkan kekurangan fasilitator yang mengendalikan beberapa responden dalam satu masa. Sebanyak 98.3% iaitu seramai 59 pelajar seronok membuat latihan yang diberi. Seramai 40 responden iaitu 66.7% menyatakan boleh membuat latihan dengan cepat manakala 20 responden tidak dapat membuat latihan dengan cepat kerana masih baru dengan perisian tersebut. Sebanyak 96.7% iaitu seramai 58 pelajar memahami konteks yang diterangkan oleh fasilitator.

## 6. Dapatan Kajian

Secara khusus, kajian tindakan ini dilaksanakan adalah untuk mengukur/menilai impak persepsi aktiviti terhadap komuniti setempat bersama pelajar politeknik. Hasil pengumpulan data melalui soal selidik dilihat memberi impak yang positif dari segi kejayaan program dan komuniti memberi komen yang positif terhadap pelajar politeknik. Namun terdapat dua objektif utama yang perlu digariskan hasil daripada analisis daripada dapatan kajian sama ada objektif utama program ini tercapai atau sebaliknya.

### 6.1 Apakah penilaian komuniti luar terhadap pelajar melalui aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint?

Impak daripada aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint membantu pelajar dan komuniti setempat saling berkomunikasi antara satu sama lain. Hasil daripada aktiviti ini, pelajar tidak lagi pasif iaitu hanya mendengar dan melihat tetapi mereka juga berjaya membentang, menerangkan dan memimpin program tanpa perlu bantuan daripada pensyarah. Aktiviti ini juga dilihat membina keyakinan dalam diri pelajar di mana pelajar tidak lagi malu untuk berkomunikasi dan menonjolkan diri. Sikap positif inilah yang akan membantu mereka pada masa akan datang sama ada sewaktu melalui latihan industri mahupun sewaktu melalui alam pekerjaan. Melalui aktiviti ini, tanggapan komuniti kepada para pelajar politeknik boleh diubah kepada yang lebih positif sedikit dem sedikit. Disamping itu, para pelajar Sekolah Kebangsaan Raja Chulan juga memperoleh ilmu yang bermanfaat kerana diberi pendedahan awal mengenai perisian ini. Selain itu, maklum balas yang diterima daripada guru-guru Sekolah Kebangsaan Raja Chulan adalah sangat baik. Mereka mencadangkan agar aktiviti ini dapat diteruskan kerana ia bermanfaat kepada anak didik mereka. Justeru itu dapat disimpulkan bahawa aktiviti ini mendatangkan impak positif pada pelajar PUO dan komuniti setempat.

### 6.2 Bagaimana penilaian terhadap pelajar melalui aktiviti penggunaan asas Microsoft Office PowerPoint?

Sepanjang aktiviti dijalankan, pelajar (fasilitator) berjaya mengendalikan aktiviti dengan baik dan teratur tanpa perlu campur tangan daripada pensyarah walaupun pada sesi pertama keadaan agak kelam kabut. Ini membuktikan pelajar mempelajari bagaimana bekerjasama sesama sendiri bagi mencapai matlamat. Kerjasama yang ditunjukkan amatlah

baik di antara para pelajar yang terlibat selari dengan kesinambungan aktiviti yang dijalankan ini. Berdasarkan pemerhatian, mereka juga saling bantu membantu antara satu sama lain speanjang program ini berlangsung. Pelajar juga dapat mempelajari bagaimana pentingnya pengurusan dalam menjayakan sesuatu program dan ini boleh diaplikasikan apabila mereka menjalani latihan industri yang memerlukan mereka komited terhadap masa yang diberi. Selain itu, pelajar juga dapat membaiki cara penyampaian mereka kepada yang lebih baik dan teratur. Ini penting agar maklumat yang disampaikan adalah betul dan tepat. Berdasarkan hasil dapatan daripada latihan yang diberikan kepada peserta menunjukkan peserta dapat menghasilkan pembentangan yang menarik dan kreatif walaupun masih baru didekahkan mengenai perisian ini dengan merujuk kepada kaedah yang diajar oleh para fasilitator. Ini selari dengan dapatan soal selidik yang menunjukkan bahawa para fasilitator telah menyampaikan isi pengajaran secara teratur, jelas dan terperinci.

## 7. Kesimpulan Dan Cadangan Kajian Seterusnya

Sebagai kesimpulan, objektif utama program tercapai hasil daripada dapatan kajian menerusi borang kaji selidik dan juga pemerhatian yang dilakukan oleh pensyarah. Menyentuh mengenai persepsi, persepsi komuniti terhadap pelajar adalah berbeza mengikut daripada pengalaman mereka sendiri dan jika pelajar mampu untuk menonjolkan diri dengan keyakinan yang tinggi, nescaya persepsi masyarakat setempat akan menjadi lebih positif dari masa ke semasa. Tambahan lagi, komuniti memberikan persepsi yang positif kepada para pelajar politeknik yang terlibat dan berharap agar aktiviti seperti ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang. Antara cadangan yang diketengahkan oleh komuniti adalah seperti berikut:

- a) Melibatkan lebih ramai pelajar dalam aktiviti luar kelas
- b) Menjalinkan kerjasama dengan pihak luar dengan mengadakan aktiviti melibatkan pelajar

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim.(2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1): 129-140.
- Baharuddin Aris, Manimegalai Subramaniam dan Rio Sumarni Sharifuddin (2001). *Rekabentuk Perisian Multimedia Kuala Lumpur*.Venton Publishing.
- Deborah Hopen (2002). "Guiding Corporate Behaviour: A Leadership Obligation, Not a Choice." Volume 1. hlmn 15-19.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003).—Reka bentuk tinjauan: Soal selidik pendidikan.II Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman (2012). Pengembangan Media Pembelajaran.Yogyakarta: Pedagogia